



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2014/2015

### Kertas Soalan Peperiksaan

**Kod Kursus : SC 0306**

**Nama Kursus : Undang-Undang Jenayah Syariah**

**Peringkat Kursus : Sijil**

**Masa : 3 jam**

**Nota :**

Jawab semua soalan dari bahagian A dan dua soalan sahaja dari bahagian B.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## **BAHAGIAN A**

**Tulis jawapan yang betul dalam buku jawapan yang disediakan.**

- 1) Perbincangan mengenai undang-undang jenayah Islam adalah termasuk dalam perbahasan
  - a. Akidah
  - b. Syari'ah
  - c. Akhlak
- 2) Untuk menjadikan sesuatu tindakan itu dianggap jenayah, ia perlu memenuhi elemen-elemen
  - a. Perundangan, tindakan dan kelayakan
  - b. Rukun Syar'i, Rukun al-Maddi dan Rukun al-Adabi
  - c. Ibadat, Muamalat dan Munakahat
- 3) Dengan melihat kepada jenis hukuman yang dikenakan bagi jenayah yang dilakukan, jenayah-jenayah itu dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu
  - a. Hudud, Qisas, Diyyat dan Ta'zir
  - b. Hudud, Ijmak, Qisas dan Ta'zir
  - c. Hudud, Irtidad, Ta'zir dan Sariqah
- 4) Percubaan untuk melakukan bunuh akan dikenakan hukuman
  - a. Qisas
  - b. Ta'zir
  - c. Hudud

5) Asas kepada tanggungjawab jenayah itu merangkumi \_\_\_\_\_

- i. Secara sedar tentang natijah dan akibatnya
  - ii. Melakukan perbuatan yang diharamkan
  - iii. Secara pilihan sendiri
  - iv. Menyebabkan perbuatan jenayah secara tidak langsung
- 
- a. i, ii dan iii
  - b. Semua jawapan di atas
  - c. ii dan iii sahaja

6) ‘*Uqubah Muqaddarah* bermaksud

- a. Hukuman yang diserahkan kepada hakim untuk menentukan kadarnya selepas hakim memilih bentuk hukuman yang hendak dijatuhkan
- b. Hukuman yang ditetapkan jenis dan kadarnya oleh Syara‘
- c. Hukuman yang ditetapkan khusus untuk jenis jenayah tertentu

7) Sebahagian ulama mazhab \_\_\_\_\_ menganggap tuduhan melakukannya persetubuhan dengan binatang sebagai qazaf jika penuduh tidak dapat membuktikan tuduhannya maka penuduh boleh dikenakan had qazaf.

- a. Hanbali dan Shafi‘i
- b. Hanafi dan Maliki
- c. Hanbali dan Hanafi

8) Sifat ‘*iffah*’ yang dituntut sebagai syarat wajib mangsa tuduhan qazaf (*al-maqzuf*) memberi maksud

- a. Mempunyai kesempurnaan akal fikiran, mencapai had umur baligh dan sudah berkahwin
- b. Seseorang yang tidak pernah melakukan dosa-dosa besar dan menjauhi dosa-dosa kecil
- c. Bersifat baik dan tidak pernah melakukan perbuatan zina sebelum atau selepas berlaku pertuduhan qazaf.

- 9) Encik Jay telah mabuk setelah meminum arak yang disangkanya jus epal. Apakah hukuman yang akan dikenakan ke atas beliau?
- dikenakan had kerana meminum arak dengan sengaja
  - dikenakan ta'zir kerana beliau tidak mengetahui minuman itu sebenarnya arak
  - dikenakan ta'zir kerana beliau tahu hukum meminum arak adalah haram
- 10) \_\_\_\_\_ merupakan kaedah-kaedah untuk mensabitkan kes minum arak menurut Mazhab Hanafi, Shafi'i dan pendapat terkuat Imam Ahmad.
- Keterangan saksi dan pengakuan peminum
  - Bau mulut, Muntah, Keterangan saksi dan pengakuan peminum
  - Keterangan dua orang saksi lelaki dan bau mulut peminum
- 11) Jumhur ulama berpendapat kadar nisab yang mewajibkan hukuman potong tangan dalam kesalahan mencuri ialah
- 1 dinar emas; 3 dirham perak
  - ¼ dinar emas; 10 dirham perak
  - ¼ dinar emas; 3 dirham perak
- 12) Suatu tempat tidak lagi dianggap sebagai *Hirz* dengan sebab-sebab berikut:
- Memberi kebenaran kepada tertuduh untuk masuk ke tempat tersebut,
  - Membiaran pintunya tertutup
  - Terdapat lubang atau kerosakan pada tempat tersebut.
  - Pengawal bersikap cuai
- Semua jawapan di atas
  - i , iii dan iv
  - i , ii dan iii

13) Dalam perjalanan pulang selepas menangkap ikan di laut China Selatan, Kay telah diserang sekumpulan penjahat dan harta beliau turut dirampas. Perbuatan jenayah ini dinamakan sebagai

- a. Curi
- b. Rompak/ Hirabah
- c. Bughat/ Pemberontakan

14) Ulama berbeza pendapat dalam menentukan tempoh penyaliban. Sebahagian fuqaha menetapkan tempohnya ialah

- a. Tiga hari
- b. 24 jam
- c. Satu minggu

15) \_\_\_\_\_ merupakan antara unsur penting dalam kesalahan Bughat.

- a. Penggunaan kekuatan dan kekerasan
- b. Perbuatan menderhaka dan merampas harta awam
- c. Enggan melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab

16) *Muharib* (perompak/penyamun) dapat dibahagikan kepada \_\_\_\_\_ golongan

- a. Empat
- b. Dua
- c. Tiga

17) Pembunuhan ke atas \_\_\_\_\_ tidak akan dikenakan hukuman qisas

- a. Binatang dan manusia yang dilindungi undang-undang
- b. Orang murtad dan janin
- c. Kafir zhimmi dan penzina muhsan

18) Hukuman diyat ke atas pembunuhan adalah sebanyak 100 ekor unta. Menurut mazhab Maliki dan Hanafi, diyat boleh dibayar sama ada dalam bentuk

- a. 100 dinar emas atau 1500 dirham perak
- b. 1000 dinar emas atau 12 ribu dirham perak
- c. 100,000 dinar emas atau 1,200,000 dirham perak

19) Hukuman al-Nafyu bagi kesalahan menakut-nakuti dalam jenayah *hirabah* menurut mazhab Shafi'i ialah

- a. Dibunuh dan disalib
- b. Dibuang daerah
- c. Ditahan dan dikurung

20) Anggota yang perlu dipotong dalam kesalahan curi kali pertama dan kedua menurut mazhab Shafi'i ialah

- a. Tangan kanan; kaki kiri
- b. Tangan kiri; kaki kanan
- c. Jari kanan; lengan kiri

21) Saksi yang diperlukan untuk mensabitkan kesalahan meminum arak ialah

- a. 1 orang lelaki dan 2 orang perempuan
- b. 4 orang lelaki
- c. 2 orang lelaki

22) Jenayah berdua-duaan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram dan tiada ikatan syara' di kawasan yang sunyi termasuk di dalam kesalahan

- a. Hudud
- b. Ta'zir
- c. Sivil

- 23) Que menembak Vee di hutan Penanjong kerana menyangkanya seekor kijang. Dalam kes ini,  
Que dianggap telah melakukan jenayah
- Pembunuhan serupa sengaja (*qatl shibh al-'amd*)
  - Pembunuhan tidak sengaja (*qatl al-khata'*)
  - Pembunuhan dengan sengaja (*qatl al-'amd*)
- 24) Zed bergelut dengan seorang pencuri di dalam rumahnya hingga menyebabkan pencuri itu mendapat kecederaan. Perbuatan Zed ini terkecuali dari tanggung jawab jenayah atas sebab
- Mempertahankan diri khusus
  - Mempertahankan diri umum
  - Mempertahankan diri keluarga
- 25) Bee menyembelih Dee dengan pisau dan menyebabkan kematian Dee. Dalam hal ini Bee akan dipertanggungjawabkan atas perbuatannya kerana perbuatannya ini dianggap sebagai
- Perbuatan melakukan jenayah secara langsung
  - Perbuatan menyebabkan berlaku jenayah
  - Perbuatan yang menjadi syarat berlaku jenayah
- 26) Gee mencampakkan Nor ke dalam perigi yang digali oleh Ray dan menyebabkan kematian Nor. Dalam hal ini \_\_\_\_\_ merupakan syarat kepada berlakunya jenayah membunuh tersebut.
- Perbuatan menggali
  - Perbuatan mencampak
  - Perigi
- 27) Hukuman gantian ialah
- Hukuman yang ditentukan untuk setiap jenayah apabila hukuman asal tidak dapat dijalankan
  - Hukuman yang dikenakan setelah penjenayah menjalani hukuman asal
  - Hukuman melibatkan harta benda pesalah

28) Mazhab \_\_\_\_\_ membezakan hukuman bagi kesalahan meminum minuman yang memabukkan dan kesalahan meminum khamr.

- a. Maliki
- b. Hanbali
- c. Hanafi

29) Hukuman Qisas merupakan hukuman bagi setiap pencerobohan ke atas \_\_\_\_\_

- a. Hak Individu
- b. Hak Allah
- c. Hak Masyarakat

30) Perbuatan mengambil harta orang lain secara terang-terangan tanpa menggunakan kekerasan dinamakan sebagai

- a. Curi
- b. Ikhtilas
- c. Rompak

( 30 markah)

## **BAHAGIAN B**

Jawab **dua (2)** sahaja dari soalan-soalan berikut

### **Soalan Pertama (15 markah)**

(a) Fuqaha menjelaskan pelbagai takrif berkaitan dengan jenayah. Berikan pengertian jenayah dari segi bahasa dan istilah.

(5 markah)

(b) Jenayah secara umumnya dikategorikan kepada tiga kategori utama iaitu; Hudud, Qisas dan Ta'zir. Huraikan perbezaan di antara Hudud dan Ta'zir.

(10 markah)

### **Soalan Kedua (15 markah)**

Di antara perkara-perkara yang menyebabkan pertanggungjawaban jenayah dikekualikan dan digugurkan adalah:

- (a) Sukan
- (b) Gila
- (c) Mabuk
- (d) Kanak-kanak di bawah umur
- (e) Mendidik dan mengajar

(15 markah)

Jelaskan tiga (3) daripadanya.

### **Soalan Ketiga (15 markah)**

Jenayah zina merupakan penyakit masyarakat sejak zaman berzaman. Para fuqaha telah memberi pelbagai definisi zina berdasarkan kepada kaedah mazhab masing-masing sewaktu menangani masalah berkenaan.

- (a) Nyatakan pengertian zina menurut mazhab Hanafi dan mazhab Shaf'i. (3 markah)
- (b) Berikan dalil pengharaman zina serta jelaskan hukuman had zina (3 markah)
- (c) Huraikan hukum persetubuhan-persetubuhan haram dibawah ini:
  - Sodomi (Liwat)
  - Musahaqah (Lesbian)
  - Persetubuhan dengan mahram(9 markah)